

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**SOALAN NO. 143**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimana dengan isu projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang tergendala dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menstruktur semula projek pembangunan perumahan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) ini telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dengan sasaran 20,000 unit dalam tempoh 5 tahun. Dinyatakan dalam bajet tersebut, FELDA akan menerima sebanyak RM1.5 bilion. Namun sehingga 2017 FELDA hanya menerima RM200juta. Oleh yang demikian, hanya 38 tapak dengan 8,314 unit rumah sahaja yang dapat diteruskan.

2. Status pembinaan rumah seperti berikut:-

(i) 8 tapak yang mempunyai 1,498 unit rumah telah disiapkan dan diduduki oleh 792 peserta. Manakala baki 706 unit lagi, akan diserahkan selepas proses pemilihan diselesaikan.

(ii) 19 tapak yang mempunyai 5,082 unit rumah masih berjalan dengan kemajuan kerja yang perlahan.

(iii) 11 tapak yang mempunyai 1,734 unit rumah terbengkalai dan diberhentikan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sepertimana pembentangan Kertas Putih FELDA pada 10 April 2019, Kerajaan bertekad untuk menyiapkan 4,794 unit rumah yang tahap kemajuannya 70 peratus dan ke atas. Untuk tujuan ini, Kerajaan meluluskan sebanyak RM250 juta bagi tahun 2019.

4. Manakala pelaksanaan keseluruhan tapak PGBF yang lain perlu dibuat penilaian semula. Tindakan seperti penyusunan semula, pemilihan tapak projek serta penjenamaan semula PGBF akan diambil supaya isu perumahan generasi ini dapat ditangani sewajarnya.

Sekian, terima kasih.